BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref: 07/06/05

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1915 pada hari Jumaat, 28 Julai 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan Jun 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Jun, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 8.9%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 4.1%, sementara pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 13.3%.

Paras permodalan dan kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kukuh pada 12.9%, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.2% pada akhir bulan Jun 2006.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref: 07/06/05

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1830 pada hari Jumaat, 28 Julai 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JUN 2006

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan Jun, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.1%. Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 8.9%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 4.1%, sementara pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang 13.3%.

Dalam pasaran PDS, dana kasar berjumlah RM2 bilion telah diperoleh pada bulan Jun, termasuk bon Cagamas bernilai RM1.2 bilion. Selepas penyelarasan bagi penebusan, jumlah dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS ialah sebanyak RM933 juta pada bulan itu.

Kadar deposit tetap (FD) purata institusi perbankan dan kadar pinjaman asas (BLR) purata terus stabil pada bulan Jun. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang juga secara relatif terus tidak berubah.

Pada tempoh 1 Jun – 27 Julai 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Trend ini sejajar dengan trend umum mata wang serantau, yang terjejas

sebahagian besarnya akibat kemerosotan ekuiti dalam ekonomi yang semakin pesat berkembang. Sebaliknya, dolar AS disokong oleh jangkaan pasaran bahawa kadar faedah tanda aras AS terus meningkat, serta aliran mata wang *safe haven* ke AS berikutan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama lain, sementara menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam lingkungan 0.5%-3.4%.

Inflasi, seperti diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus tidak berubah pada 3.9% pada bulan Jun. Pada bulan itu, kenaikan harga Rumah, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain disebabkan terutamanya oleh semakan menaik tarif elektrik. Sementara itu, kenaikan kadar tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) adalah lebih tinggi pada 11.1% pada bulan Mei (April: 6.9%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya harga yang lebih tinggi dalam kategori berkaitan komoditi, sebahagian besar disebabkan kenaikan harga minyak mentah dan getah yang lebih tinggi. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.1% berbanding dengan setahun yang lalu.

M1 atau wang secara kecil, berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 10.1% pada bulan Jun (Mei: 9.1%), mencerminkan permintaan terhadap mata wang yang meningkat dan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan. Sementara itu, M3 atau wang secara luas, meningkat pada kadar tahunan 6.4% (Mei: 6.1%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam aktiviti pemberian pinjaman bank.

Paras permodalan dan kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) kukuh pada 12.9%, manakala nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.2% pada akhir bulan Jun 2006.

Kadar faedah terus stabil pada bulan Jun dan awal Julai

Pada tempoh 1 Jun – 27 Julai, purata wajaran harian kadar antara bank semalaman bergerak dalam lingkungan yang kecil antara 3.48% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga terus stabil.

Deposit tetap (FD) purata institusi perbankan terus stabil pada bulan Jun dan awal Julai. Setakat 15 Julai, kadar disebut purata bagi FD bank perdagangan untuk tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah stabil, masing-masing pada 3.12% dan 3.75% (akhir bulan Mei: masing-masing pada 3.11% dan 3.74%). Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan stabil pada 6.72% pada bulan Jun. Sementara itu, kadar pinjaman (ALR) purata bank perdagangan meningkat pada kadar yang lebih perlahan kepada 6.55% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mei: 6.51%).



Kadar antara bank semalaman purata terus stabil pada bulan Jun dan Julai



Kadar antara bank lain juga terus stabil



Operasi mudah tunai BNM



BLR purata bank perdagangan stabil pada bulan Jun dan awal Julai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat pada bulan Jun kerana pinjaman terkumpul meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan deposit

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 06	3.11	3.17	3.31	3.44	3.74
Jun 06	3.11	3.18	3.32	3.45	3.75
15 Jul 06	3.12	3.18	3.34	3.47	3.75

Kadar FD bank perdagangan terus stabil pada bulan Jun dan awal Julai

Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan



Kadar FD 3 bulan benar terus stabil

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 Jun – 27 Julai 2006, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS. Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS adalah sejajar dengan trend umum mata wang serantau, yang terjejas sebahagian besarnya akibat kemerosotan ekuiti dalam ekonomi yang semakin pesat berkembang. Sebaliknya dolar AS disokong oleh jangkaan pasaran bahawa kadar faedah tanda aras AS terus meningkat, serta aliran mata wang *safe haven* ke AS berikutan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama lain, sementara menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau dalam lingkungan 0.5%-3.4%.





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 05	Mei 06	Jun 06	27 Jul 06	Akhir Dis 05 - 27 Jul 06	Akhir Mei 06 - 27 Jul 06
Dolar AS	3.7800	3.6290	3.6750	3.6725	2.9	-1.2
Euro	4.4867	4.6689	4.6698	4.6707	-3.9	0.0
Paun sterling	6.5226	6.8298	6.7352	6.8079	-4.2	0.3
100 yen Jepun	3.2229	3.2348	3.1963	3.1587	2.0	2.4
Dolar Singapura	2.2714	2.3023	2.3126	2.3265	-2.4	-1.0
100 baht Thailand	9.2049	9.5100	9.6104	9.6938	-5.0	-1.9
100 peso Filipina	7.1254	6.8692	6.9047	7.1083	0.2	-3.4
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0393	0.0395	0.0404	-4.9	-2.7
100 won Korea	0.3739	0.3837	0.3856	0.3856	-3.0	-0.5
Renminbi China	0.4686	0.4522	0.4598	0.4604	1.8	-1.8

Inflasi tidak berubah pada bulan Jun

Inflasi, seperti diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), terus tidak berubah pada 3.9% pada bulan Jun. Pada bulan itu, kenaikan harga Rumah, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain disebabkan terutamanya oleh semakan menaik tarif elektrik. Kategori Pengangkutan dan Pendidikan dalam IHP juga mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi pada bulan Jun, sementara bagi kategori Makan dan Minuman Bukan Minuman Keras, Minuman Keras dan Tembakau, Restoran dan Hotel, dan Pelbagai Barang dan Perkhidmatan mencatat kadar kenaikan yang lebih perlahan. Harga bagi Pakaian dan Kasut dan caj Komunikasi terus menurun.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi tidak berubah pada bulan Jun

Kadar kenaikan harga pengguna lebih tinggi pada bulan Mei

Kadar kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) adalah lebih tinggi pada 11.1% pada bulan Mei (April: 6.9%). Kenaikan IHPR disebabkan terutamanya harga yang lebih tinggi dalam kategori berkaitan komoditi, sebahagian besarnya disebabkan kenaikan harga minyak mentah dan getah yang lebih tinggi. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.1% berbanding dengan setahun yang lalu (April: +0.3%), disebabkan terutamanya penurunan harga Makanan dan Binatang Hidup, dan Minyak dan Lemak Binatang dan Sayuran.



Kadar kenaikan IHPR lebih tinggi pada bulan Mei

Pertumbuhan pemberian pinjaman bank yang berterusan menyokong pengembangan wang secara luas

Pada bulan Jun, M1 atau wang secara kecil, berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi pada 10.1% (Mei: 9.1%), mencerminkan permintaan yang meningkat terhadap mata wang dan penempatan deposit permintaan yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan. Wang secara luas pula meningkat pada kadar tahunan 6.4% (Mei: 6.1%). Pada asas bulanan, tuntutan terhadap sektor swasta memberikan kesan pengembangan kepada M3, terutamanya disebabkan kenaikan dalam jumlah pinjaman terkumpul, dan juga pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun kesemua faktor ini diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan dan operasi luaran bersih yang lebih rendah. Pada bulan Jun, perolehan daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) oleh Kerajaan disimpan dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Mei 06**	**Jun 06**
M3	68.0	49.7	2.1	1.0
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-6.2	-2.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	6.0	4.6
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*5.1*	*4.1*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*0.9*	*0.5*
Operasi luar negeri bersih *	82.7	17.4	2.7	-0.7
Pengaruh lain	-29.4	-6.8	-0.4	-0.1

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan Jun

Jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM5.9 bilion, atau pada kadar pertumbuhan tahunan 8.1% pada bulan Jun (Mei: +RM1.8 bilion atau +7.7%). Kenaikan ini didorong terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi daripada institusi kewangan, pihak berkuasa berkanun dan individu. Peningkatan dalam penempatan deposit institusi kewangan disebabkan terutamanya oleh deposit

institusi kewangan bukan bank. Dari segi jenis deposit, peningkatan itu dicerminkan terutamanya oleh instrumen deposit boleh niaga, deposit permintaan, dan sebahagian kecilnya oleh perjanjian beli balik (repo).

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 06	**Apr 06**	**Mei 06**	**Jun 06**
Kerajaan Persekutuan	469	-173	-633	753
Kerajaan Negeri	568	255	-304	49
Badan Berkanun [1]	1,264	-1,814	862	1,798
Institusi Kewangan	6,090	2,849	-1,538	1,844
Perusahaan Perniagaan	-964	-751	4,367	-296
Individu	1,088	1,808	-980	1,736
Lain-lain [2]	142	33	-8	1
Jumlah	8,657	2,207	1,767	5,885

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mac 06	**Apr 06**	**Mei 06**	**Jun 06**
Deposit tetap	7,272	5,437	1,795	-967
NID	2,452	-3,271	3,761	3,267
Deposit permintaan	-3,687	921	1,090	2,722
Deposit tabungan	-324	-128	-896	-178
Perjanjian beli balik (Repo)	2,582	632	-5,053	782
Deposit mata wang asing	-268	-1,263	-423	121
Deposit SPI	110	-577	1,718	-89
Lain-lain	521	456	-225	226
Jumlah	8,657	2,207	1,767	5,885

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pada bulan Jun, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM44.5 bilion (Mei: RM46.9 bilion). Berbanding dengan bulan sebelumnya, sekuriti hutang swasta (PDS) yang diterbitkan adalah lebih rendah, namun pinjaman yang dikeluarkan adalah lebih tinggi. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.1% (Mei: 9.6%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan sektor swasta kasar berjumlah RM44.5 bilion

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman
(RM bilion)



Pengeluaran pinjaman meningkat pada bulan Jun

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	April	Mei	April	Mei
Jumlah				
Permohonan pinjaman	27.1	22.8	-0.9	-12.2
Kelulusan pinjaman	16.4	17.8	-1.3	8.5
Pengeluaran pinjaman	42.1	43.6	-2.9	-4.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	5.4	4.7	8.9	8.6
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	13.7	8.4	-8.2	-33.9
Kelulusan pinjaman	7.4	7.2	-8.0	0.0
Pengeluaran pinjaman	29.9	29.5	1.6	-5.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.5	1.9	4.5	4.1
PKS				
Permohonan pinjaman	7.2	5.2	t.b.[2/]	t.b.[2/]
Kelulusan pinjaman	3.3	3.5	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman	11.2	10.8	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.1	0.4	t.b.	t.b.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.4	11.2	1.7	-13.0
Kelulusan pinjaman	8.8	7.4	3.0	-19.1
Pengeluaran pinjaman	11.7	11.7	-0.1	-6.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.9	2.3	13.8	13.3

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Secara keseluruhan, pinjaman yang diluluskan bertambah



Pengeluaran pinjaman kepada sektor perkilangan lebih tinggi

Pada bulan Jun, permohonan pinjaman adalah lebih rendah, terutamanya oleh sektor perniagaan. Sementara itu, kelulusan dan pengeluaran pinjaman pada asas bulanan adalah lebih tinggi, dengan pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi.

Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.6% pada akhir bulan Jun (akhir Mei: 8.9%), dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar tahunan 4.1%, manakala pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah berkembang pada kadar tahunan 13.3% (akhir bulan Mei: masing-masing 4.5% dan 13.8%).

Aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal lebih rendah

Jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM3.8 bilion pada bulan Jun. Dana diperoleh terutamanya oleh sektor awam melalui terbitan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 10-tahun dengan dana kasar yang diperoleh sebanyak RM2.8 bilion. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor swasta lebih rendah pada bulan itu, berjumlah RM991 juta. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), dana kasar berjumlah RM2 bilion telah diperoleh, termasuk bon Cagamas bernilai RM1.2 bilion. Selepas penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS ialah sebanyak RM933 juta pada bulan itu.



Prestasi KLCI bertambah baik pada separuh kedua bulan Jun

Selaras dengan sentimen pasaran global yang bertambah baik, dan pasaran ekuiti serantau dan pasaran ekuiti baru berkembang yang semakin kukuh, KLCI bertambah baik pada separuh kedua bulan Jun untuk ditutup pada 914.69. Namun, berbanding dengan akhir bulan Mei paras itu 1.4% lebih rendah. Permodalan pasaran merosot kepada RM721.8 bilion (sejak akhir Mei: -0.8%), sementara urus niaga purata harian berkurang kepada 447.6 juta unit (Mei: 1,172 juta unit).



KLCI naik lebih tinggi sedikit selaras dengan pasaran serantau yang lain, sejak pertengahan

Pada 27 Julai, indeks komposit ditutup lebih tinggi sedikit dengan KLCI berada pada 936.76 (sejak akhir bulan Jun: 2.4%), dengan permodalan pasaran keseluruhan meningkat lebih tinggi sedikit kepada RM728.12 bilion (sejak akhir Jun: 0.9%). Aktiviti urus niaga meningkat dengan nyata, dengan urus niaga purata harian pada 831.9 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM289.3 bilion atau bersamaan USD78.8 bilion pada 30 Jun 2006. Rizab berjumlah RM289.8 bilion atau bersamaan USD78.9 bilion pada 14 Julai 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan 6.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras permodalan dan kualiti aset terus bertambah baik

Paras permodalan sistem perbankan kukuh pada bulan Jun, dengan nisbah modal wajaran risiko (RWCR) bertambah baik kepada 12.9%. Nisbah modal teras terus berada pada 10.1% pada akhir bulan Jun 2006, disebabkan terutamanya oleh terbitan modal baru dan tahap keberuntungan yang lebih tinggi. Kualiti aset juga terus bertambah baik, dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun kepada 4.2%. Penurunan dalam NPL bersih sebanyak RM383.9 juta kepada RM23.5 bilion disebabkan sebahagian besarnya oleh hapus kira serta pengelasan semula NPL kepada status pinjaman berbayar.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	Apr 06	Mei 06	Jun 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.0	10.1	10.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.7	12.7	12.8	12.9
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.6	4.4	4.3	4.2
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,468	24,245	23,912	23,528
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.5

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh…

Penunjuk Kekukuhan Modal



…dalam keadaan paras NPL yang lebih rendah

Bank Negara Malaysia
28 Julai 2006

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Apr 06		Mei 06		Jun 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.5	5.9	53.3	4.7	53.4	5.4
M1		124.5	9.0	125.2	9.1	128.3	10.1
M2		641.7	16.1	644.0	14.8	657.2	11.2
M3		690.8	7.2	692.9	6.1	693.9	6.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		715.3	9.6	717.1	7.7	723.0	8.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		569.3	8.9	574.7	8.9	579.3	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.3		76.9		77.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		84.8		85.5		85.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		22.4	-18.7	27.1	-0.9	22.8	-12.2
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		14.2	-1.4	16.4	-1.3	17.8	8.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		47.5	17.4	42.1	-2.9	43.6	-4.8
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		45.4	11.6	38.0	-4.0	38.5	-4.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		12.7		12.8		12.9	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.4		4.3		4.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		278.0		289.5		289.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		75.7		78.7		78.8	
Bilangan bulan import tertangguh		8.0		8.2		8.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50		3.50		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.49 [3.27]		3.47 [3.48]		3.51 [3.49]	
	Seminggu	3.51 [3.29]		3.54 [3.54]		3.55 [3.55]	
	1 bulan	3.38 [3.38]		3.69 [3.73]		3.78 [3.78]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.06		3.11		3.11	
	3 bulan	3.12		3.17		3.18	
BLR bank perdagangan		6.58		6.72		6.72	
ALR bank perdagangan		6.42		6.51		6.55	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		103.4	4.6	103.6	3.9	103.8	3.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		172.8	6.9	174.6	11.1	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6255		3.6290		3.6750	
Euro		4.5415		4.6689		4.6698	
Paun Sterling		6.5293		6.8298		6.7352	
100 Yen Jepun		3.1696		3.2348		3.1963	
Dolar Singapura		2.2905		2.3023		2.3126	
100 Baht Thailand		9.6564		9.5100		9.6104	
100 Peso Filipina		7.0011		6.8692		6.9047	
100 Rupiah Indonesia		0.0413		0.0393		0.0395	
100 Won Korea		0.3831		0.3837		0.3856	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.7		2.9		2.8	
	swasta	1.3		1.1		1.0	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		949.2		927.8		914.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		751.0		727.3		721.8	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.